

## **Terms And Conditions - ASB Flexi Cash Loan**

### **Purpose**

ASB Flexi Cash is a term loan of ASB Flexi to repay the loan by using the existing security documents pledged to the existing ASB certificate for customers of ASB Flexi who are eligible to apply.

### **Loan Tenure**

The rate of loan tenure is based on the total amount issued and up to 60 years old.

### **Fees and payment**

1. Offer Letter : RM10.00
2. Standing Instruction: RM10.00

**Total: RM20.00**

(Fees and payment will be made to ASNB and Inland Revenue Board)

### **Exit Fees**

Exit Fees will be charged at 3% of total loan settled in 2 years upon loan commencement.

### **Insurance protection**

The insurance protection 'ASB Reducing Term Assurance' (ASBRTA) is compulsory for ASB borrowers.

### **Documents needed for application**

1. Photocopy of I/C
2. EPF statement or a copy of latest 3-month income statement or any proof of income for example: bank account statement
3. Front page of ASB.

### **Interest Rate:**

- a) Base Lending Rate -1.65% per year on monthly balance for subsequent months balance until the loan is settled for loans amounting to above RM 30,000 and BLR-1.35% (first three years), BLR-1.30% (after 3 years) for loans below RM 30,000.
- b) The Base Lending Rate for banks is 6.60%. This interest rate can be changed any time at the bank's discretion.
- c) The bank reserves the right to increase the current interest rate to the minimum Base Lending Rate (BLR) + 0% if the difference between the bank's BLR and the Overnight Policy Rate (OPR) of the Central Bank of Malaysia (BNM) is less than 2.0% during the loan tenure.
- d) The BLR+0% will revert to the current interest rate charged if the difference between the bank's BLR and BNM OPR is 2.0% or more.

Note: Currently, the difference between OPR BNM (3.0%) and the bank's BLR (6.6%) is 3.6%.

### **Loan Repayment**

The loan repayment is made through Standing Instruction from **one of borrower's accounts**.

## **Security**

**The loan** is secured by Existing Security Documents. ASB's certificates for Existing Loan will be pledged to us as security for this Loan.

## **Appendix**

The ASB unit paid by this Loan will be given to the borrower and at his or her discretion, the borrower can resell ASB certificates for cash or be kept as additional investment.

## **Other Conditions**

The ASB certificate for Existing Loan of the borrower which has been pledged can only be redeemed after the Loan as well as the interests have been fully settled.

The bank reserves the right to redeem the ASB 1 Certificate of Borrower that is pledged to the bank if the bank finds out that the borrower's account has not been updated or there is an arrear of two (2) months or more, even though notification has been given.

One (1) notice of Redemption will be sent to the borrower before the bank redeems the ASB Certificate.

All other terms and conditions as mentioned in the Existing Security Documents will remain in effect.

## **Acknowledgement**

Subject to terms and conditions contained in this documentation of law which has been completed, the borrower subsequently agrees that this offer letter encompasses, in written, all of my/our agreement terms and I/we hereby declare and verify that there is no warranty, agreement, representation, or collateral agreement has been done orally to the borrower and if, denied, that any warranty, agreement, representation or collateral agreement has been made, all these at this moment will expire and be superseded by this letter, and is no longer effective.

## **Penalty Interest**

1% of penalty interest is charged per year to a determined rate or a higher rate is charged by the bank at any time, from time to time, to the payment or late settlement with minimum payment of RM 5.00

## **Other Terms and Conditions**

- a) All legal fees and payment related to the preparation of documents will be borne by the borrower.
- b) The borrower will be responsible to pay all costs and expenses including costs for the bank's lawyer (according to "solicitor- client") if the money loaned to the borrower needs to be reclaimed through legal process, or through our lawyer.
- c) The borrower pledges to inform the bank immediately should there be changes in residential status.
- d) Other than the terms and conditions above, terms and conditions stated in the Existing Security Documents are withstanding and continue to be in effect and upon receiving this offer letter, becomes part of the agreement.
- e) Monthly repayment is made through Standing Instruction from Savings/Current Account of Malayan Banking Berhad.

## **Declaration**

The approval and operations or the use of this facility, from time to time, are with the condition that the borrower or business partner/directors, shareholders, managers, firm's agents or company or loan of this facility are not related to the directors, officers, or bank staffs at this time, or any time in the future as parents or spouse or children. Bank has the right to withdraw the facility and the borrower pledges to inform the bank immediately at any time should any of the relations is form or known.

If the borrower agrees to our offer above, please come to the Loan Administration Department or our branch to sign the relevant forms. Please bring along the ASB investment book and money as below:-

- i) Stamp Duty – Power of Attorney (RM10-00)

### **Acknowledgement**

Subject to terms and conditions contained in this documentation of law which has been completed, the borrower subsequently agrees that this offer letter encompasses, in written, all of my/our agreement terms and I/we hereby declare and verify that there is no warranty, agreement, representation, or collateral agreement has been done orally to the borrower and if, denied, that any warranty, agreement, representation or collateral agreement has been made, all these at this moment will expire and be superseded by this letter, and is no longer effective.

The borrower hereby acknowledges that the content of this letter has been read and understood and acknowledges the obligation arising from it.

### **If there are changes to borrower's particulars**

It is important to update and inform the bank if there are changes to personal particulars to ensure all correspondence with our client is accurate and updated.

### **Further information**

If the borrower requires additional information, please contact the nearest Maybank kiosk.

## **Terma Dan Syarat - Pinjaman ASB Fleksi Cash**

### **Tujuan**

ASB Flexi Cash ialah pinjaman berjangkamas ASB Fleksi untuk membiayai semula pinjaman dengan menggunakan dokumen-dokumen sekuriti sedia ada yang dicagarkan ke atas sijil ASB sedia ada bagi pelanggan ASB Fleksi yang layak memohon.

### **Tempoh pinjaman**

Tempoh pinjaman berkadar berdasar kepada jumlah yang telah dikeluarkan dan sehingga usia 60 tahun

### **Yuran dan bayaran**

1. Surat Tawaran: RM10.00
2. Arahan Tetap: RM10.00

**Jumlah: RM20.00**

(Yuran dan bayaran akan dibayar kepada pihak ASNB dan Lembaga Hasil Dalam Negeri)

### **Bayaran yuran Keluar**

Bayaran Yuran keluar akan dikenakan sebanyak 3% daripada jumlah pinjaman yang diselesaikan di dalam tempoh 2 tahun selepas pinjaman bermula.

### **Pelindungan Insurans**

Pelindungan insurans 'ASB Reducing Term Assurance' (ASBRTA) adalah wajib untuk peminjam ASB.

### **Dokumen yang diperlukan untuk memohon**

1. Salinan Kad Pengenalan
2. Penyata KWSP atau Salinan penyata gaji terkini 3 bulan atau mana-mana bukti pendapatan contoh: penyata akaun bank
3. Salinan muka depan ASB

### **Kadar Faedah**

- a) Kadar Pinjaman Asas -1.65% setahun atas baki bulanan untuk baki bulanan seterusnya sehingga pinjaman selesai bagi jumlah pinjaman RM30,000 ke atas dan KPA – 1.35% (3 tahun pertama), KPA – 1.30% (selepas 3 tahun) bagi jumlah pinjaman dibawah RM30,000.
- b) Kadar Pinjaman Asas Bank adalah 6.60%. Kadar Faedah tersebut mungkin diubah pada bila-bila masa mengikut budibicara Bank.
- c) Pihak Bank berhak menaikkan kadar faedah semasa yang dikenakan kepada sekurang-kurangnya Kadar Pinjaman Asas (KPA) + 0% sekiranya perbezaan antara KPA Bank dan Kadar Dasar Semalaman (KDS) Bank Negara Malaysia (BNM) adalah kurang dari 2.0% semasa tempoh pinjaman.
- d) KPA+0% tersebut akan berbalik kepada kadar faedah semasa yang di kenakan sekiranya perbezaan antara KPA Bank dan KDS BNM adalah 2.0% atau lebih.
- e) Nota: Pada masa kini, perbezaan antara KDS BNM (3.0%) dan KPA Bank (6.6%) ialah 3.6%.

## **Pembayaran Semula Pinjaman**

Pembayaran bulanan tersebut akan dibuat melalui Arahan Tetap daripada **salah satu akaun peminjam**.

## **Sekuriti**

**Pinjaman ini** akan dijamin oleh Dokumen-dokumen Sekuriti Sedia Ada. Sijil Amanah Saham Bumiputra bagi Pinjaman Sedia Ada akan terus dicagar kepada pihak kami sebagai sekuriti bagi Pinjaman ini.

## **Tambahan**

Unit Amanah Saham Bumiputra yang dibiayai oleh Pinjaman ini akan diserahkan kepada peminjam dan atas budi bicara, peminjam boleh menjual balik Sijil ASB untuk mendapatkan wang tunai atau disimpan sebagai pelaburan tambahan.

## **Syarat-syarat Lain**

Sijil ASB Bagi Pinjaman Sedia Ada peminjam yang telah dicagar hanya boleh ditebus balik setelah Pinjaman ini berserta faedah ke atasnya telah diselesaikan dengan sepenuhnya.

Pihak Bank berhak menjual balik Sijil ASB 1 Peminjam yang dicagarkan kepada pihak Bank jika pihak Bank mendapati Akaun peminjam tidak dikemaskinikan atau terdapat tunggakan sebanyak dua (2) bulan atau lebih walaupun peringatan telah diberi. Satu (1) Notis Jualan akan dihantar kepada peminjam sebelum pihak Bank menjual balik Sijil ASB tersebut

Kesemua terma-terma dan syarat-syarat yang lain seperti yang dinyatakan di dalam Dokumen-dokumen Sekuriti Sedia Ada terus berkuatkuasa.

## **Pengakuan**

Tertakluk kepada terma dan syarat dalam dokumentasi undang-undang yang telah dismpurnakan, peminjam selanjutnya bersetuju bahawa surat tawaran ini meliputi, secara bertulis, semua dan seluruh terma perjanjian saya/kami dan saya/kami dengan ini mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa tiada waranti, janji, representasi atau perjanjian kolateral telah dibuat secara lisan terhadap peminjam dan jika, yang dinafikan, bahawa apa-apa waranti, janji, representasi atau perjanjian kolateral tersebut dibuat, semuanya telah pada masa ini luput dan akan digantikan oleh surat ini dan adalah tidak mempunyai apa-apa kuatkuasa.

## **Faedah Penalti**

Bahawa faedah penalti 1% setahun ke atas kadar yang ditetapkan atau kadar lebih tinggi akan dikenakan oleh Bank pada bila-bila masa dari masa ke semasa ke atas pembayaran atau ansuran lewat dengan bayaran minima RM5-00.

## **Terma dan Syarat Lain**

- a) Bahawa semua bayaran guaman dan bayaran yang berkaitan dengan penyediaan dokumen-dokumen akan ditanggung oleh pihak peminjam.
- b) Bahawa peminjam akan bertanggungjawab membayar segala yuran dan perbelanjaan termasuk kos untuk Peguam Bank (mengikut cara "solicitor-client") jika wang yang dipinjamkan kepada peminjam perlu dituntut semula melalui proses guaman atau melalui peguam kami.
- c) Bahawa peminjam mengakuijanji untuk memberitahu Bank dengan segera sekiranya berlaku pertukaran taraf pemastautin.

- d) Selain daripada terma-terma dan syarat-syarat di atas, terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Dokumen-dokumen Sekuriti Sedia Ada adalah kekal dan tetap berkuat kuasa dan surat tawaran ini apabila diterima menjadi sebahagian daripada perjanjian.
- e) Pembayaran ansuran bulanan adalah dengan Arahan Tetap (Standing Instruction) melalui Akaun Simpanan/Semasa daripada Malayan Banking Berhad.

### **Deklarasi**

Bahawa kelulusan dan operasi atau kegunaan kemudahan ini dari masa ke semasa adalah dengan syarat bahawa peminjam atau rakan kongsi/pengarah, pemegang syer, pengurus atau ejen firma atau syarikat atau pinjaman kemudahan ini adalah tidak bersaudara dengan pangarah, pegawai atau pekerja Bank di masa sekarang atau pada bila-bila masa akan datang mahupun sebagai ibu bapa atau suami isteri atau anak. Bank mempunyai hak menarik balik kemudahan dan peminjam mengakuijanji untuk memberitahu Bank dengan segera pada bila-bila masa jikalau ada perhubungan tersebut dibentuk atau diketahui.

Sekiranya peminjam bersetuju di atas tawaran kami, sila hadir ke Bahagian Pentadbiran Pinjaman atau cawangan kami untuk menandatangani borang-borang yang berkenaan. Sila bawa bersama buku pelaburan ASB peminjam serta wang sebanyak berikut:-

- i. Duti setem – Kuasa Guaman (RM10-00)

### **Pengakuan**

Tertakluk kepada terma dan syarat dalam dokumentasi undang-undang yang telah disempurnakan, peminjam selanjutnya bersetuju bahawa surat tawaran ini meliputi, secara bertulis, semua dan seluruh terma perjanjian saya/kami dan saya/kami dengan ini mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa tiada waranti, janji, representasi atau perjanjian kolateral telah dibuat secara lisan terhadap saya dan jika, yang dinafikan, bahawa apa-apa waranti, janji, representasi atau perjanjian kolateral tersebut dibuat, semuanya telah pada masa ini luput dan akan digantikan oleh surat ini dan adalah tidak mempunyai apa-apa kuatkuasa.

Peminjam dengan ini mengakui bahawa telah membaca dan memahami kandungan surat ini dan mengakui obligasi yang timbul daripadanya.

### **Sekiranya terdapat perubahan pada butiran diri peminjam**

Ia adalah penting untuk mengemaskini dan memberitahu pihak Bank sekiranya terdapat perubahan butiran diri untuk memastikan bahawa semua koresponden terhadap pelanggan adalah tepat dan terkini.

### **Maklumat lanjut**

Sekiranya peminjam memerlukan maklumat tambahan, sila hubungi cawangan terdekat atau layari laman web kami di [www.maybank2u.com](http://www.maybank2u.com).